

Dia ialah ... |

Kesaksian dari Arab Saudi



Namanya Noora. Di dalam keluarganya, dia merupakan seorang di antara 10 orang adik-beradik. Dia suka perkara yang sama seperti yang disukai oleh kaum perempuan yang lain dalam bangsa

manusia ini. Dia suka akan fesyen. Dia GEMAR menggunakan mekap, walaupun ini ditutupi oleh burka yang melitupi mukanya. Dia suka bergayut di handfon dan mendengar suara kawan-kawan karibnya. Dia gemar berbual dengan rakan-rakannya di internet. Dia suka pergi ke pusat membeli-belah! Prestasinya di sekolah menengah bagus, bahkan lebih cemerlang berbanding dengan abang-abang dan adik-adik-adik lelakinya. Ibunya rasa bangga. Bapanya berharap anak lelakinya yang sulung lebih cerdik. Dia suka pergi ke universiti.

Sememangnya pelajaran di situ lebih susah berbanding dengan sekolah menengah, tetapi Noora telah menemui Seseorang yang dapat dipercayainya. Sekarang, dia seorang siswazah, dan ingin mencari pekerjaan dekat dengan bandarayanya.

Noora telah menemui seorang yang dapat dipercayainya.

Dia mempunyai pengharapan yang tinggi. Pada umur 23 tahun, dia inginkan seorang lelaki yang akan mengasihinya. Dia telah melihat rakan-rakannya berkahwin hanya untuk menghadapi kekecewaan



Dia ialah ... |

apabila suami sering kali mengambil isteri yang kedua ke dalam rumahtangga. Noora takut menjadi hanya seorang di antara beberapa orang isteri bagi bakal suaminya. Noora berharap Tuhan akan memberikannya seorang suami yang mempunyai kepercayaan yang sama seperti kepercayaannya. Keluarga Noora, seperti mana yang lazim diamalkan, telah pun membawa beberapa jejak yang 'sesuai' berjumpa dengannya. Akan tetapi sebenarnya dia menginginkan seorang lelaki sejati, yang memiliki Pengharapan dari atas. Dia inginkan cahaya

mata, yang berلمان. Rakan-rakannya telah mendapati bahawa Noora telah berubah. Dia sering kali berseri dan menunjukkan ciri-ciri namanya, yang bererti cahaya/terang. Noora merupakan Terang bagi kawan-kawannya dan juga keluarganya. Mengongiskan Kebebasan dan Pengharapan yang telah ditemuinya itu telah menjadi sesuatu yang penting bagi dia.

Buku: Noora mempunyai satu Buku istimewa yang harus disembunyikan. Kata-kata di dalamnya memberikan kuasa. Buku ini disembunyikan di

dalam pemain MP3 kepunyaannya. Sementara ramai yang lain tertarik dengan lagu-lagu Arab yang terkini, Noora GEMAR menggunakan earfon untuk mendengar kata-kata Buku ini. Kadang kala Kata-kata ini membantu dia mengharungi detik-detik pahit atau cabaran seharian. Kata-kata ini memberikan SUKACITA dan DAMAI kepadanya dan telah mengajarnya cara dia harus jalankan kehidupannya. Noora merasai bahawa Kata-kata ini telah menyentuhnya secara mendalam, yang tidak pernah dia alami sebelum ini.



Dia ialah ... |

Noora mahu sepupunya merasai Roti Kehidupan ini. Sepupunya telah mendengar sedikit dari Kata-kata itu. Dia mengatakan bahawa ia amat menarik, tetapi dia rasa takut, kerana kata-kata itu begitu radikal. “Bagaimanakah saya dapat mengasihi musuh saya?” kata dia. “Tiada orang di dalam suku kita pernah mengasihi musuhnya.” Noora sering kali bersendirian, tetapi dia dapat merasai kehadiran yang luarbiasa. Dia ialah ... seorang pengikut Yesus berbangsa Saudi.

Alkitab MP3 di dalam Bahasa Arab:

www.ibs.org/bibles/arabic

www.30-days.net

www.30daysfire.net

30 Hari Doa bagi Dunia Muslim

